

# KERANGKA KAEDAH PENILAIAN UNTUK “PENGIFTIRAFAN PEMBELAJARAN TERDAHULU (*RECOGNITION OF PRIOR LEARNING - RPL*)” DALAM INSTITUSI BERORIENTASIKAN “PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIK DAN VOKASIONAL (PLTV)” DI MALAYSIA.

<sup>1</sup>Bahril B. Balli dan <sup>2</sup>Wahid Razzaly

<sup>1</sup>Politeknik Kota Kinabalu, Sabah

<sup>2</sup>Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia

bahril@polikk.edu.my, wahid@uthm.edu.my

## ABSTRAK

*Kajian dijalankan berdasarkan perspektif Kerangka Kelayakan Malaysia untuk merealisasikan pendidikan sepanjang hayat. Ia akan memberi peluang kepada individu yang memiliki pengetahuan dan kemahiran hasil daripada pengalaman pembelajaran lampau untuk dinilai seterusnya berpeluang mendapat sesuatu kelayakan atau berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat seterusnya. Kajian ini menyelidik dan menganalisis kaedah penilaian iaitu memberi fokus pada domain utama RPL, komponen bagi proses penilaian RPL, dan kriteria setiap komponen bagi menghasilkan kerangka kaedah penilaian berkesan untuk RPL di Malaysia. Kajian ini menggunakan rekabentuk kaedah tinjauan dan analisis dokumen manakala pengumpulan data dilakukan secara persampelan bertujuan terhadap 73 orang pakar terpilih sebagai responden untuk menjawab borang soal selidik. Dua orang pakar dalam “pelaksanaan pembangunan kurikulum dan penilaian pembelajaran terdahulu” juga telah dipilih untuk ditemu bual. Institusi yang terlibat ialah MQA, KSM, KPTM, UTHM, UTM, OUM, dan UNITAR. Data hasil soal selidik dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif, sementara data hasil temubual pula dianalisis secara analisis matrik. Hasil analisis mendapati kesemua domain utama, komponen bagi proses penilaian, dan kriteria setiap komponen adalah diperlukan dan menjadi intipati penting untuk digunakan dalam membangunkan kerangka kaedah penilaian calon RPL. Sebuah kerangka kaedah penilaian RPL telah dihasilkan dengan berbantuan maklum balas responden dan sintesis hasil analisis. Pengkaji berharap kajian lebih mendalam dilakukan ke atas setiap elemen dalam kaedah penilaian ini dan menjadikan golongan profesional di industri sebagai responden bagi memantapkan lagi kerangka kaedah penilaian RPL dalam usaha membentuk panduan piawai bagi pelaksanaan penilaian RPL di Malaysia.*

**Kata Penting:** Kerangka kaedah penilaian untuk RPL, program berorientasikan pendidikan dan latihan teknik dan vokasional (PLTV).

## PENGENALAN

Pada 27 Ogos 2007, Pelan Strategik Pengajian Tinggi telah dilancarkan bertujuan untuk mentransformasikan sektor pengajian tinggi negara bagi menghasilkan modal insan kelas pertama serta membangunkan institusi pengajian tinggi bertaraf dunia. Mei 2008 telah menempa sejarah bagi pendokong latihan kemahiran negara melalui pelancaran Pelan Induk Latihan Kemahiran Kebangsaan yang dikendalikan oleh Kementerian Sumber Manusia. Pelan induk yang bermatlamatkan pembangunan modal insan yang berpengetahuan dan berketerampilan profesional akan meletakkan kerjaya bidang kemahiran bukan lagi pilihan terakhir tetapi suatu alternatif kepada kerjaya yang berasaskan akademik.

Kerajaan dilihat begitu komited terhadap penghasilan guna tenaga berpotensi apabila telah menyediakan laluan-laluan pendidikan melalui Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM) yang menghubung kait kelayakan-kelayakan di dalamnya secara sistematik bagi membolehkan individu memajukan diri dalam pendidikan tinggi melalui pemindahan kredit dan pengiktirafan pengalaman pembelajaran terdahulu (*recognition of prior learning*) yang diperoleh daripada pendidikan formal, informal dan tak formal tanpa mengira masa dan tempat, dalam konteks pembelajaran sepanjang hayat. Fong Chan Ong (2008) menjelaskan bahawa pekerja di negara ini perlu mempunyai sijil kemahiran dan bukannya semata-mata bergantung kepada pengalaman berikutnya kehendak pasaran kerja sekarang lebih mengutamakan tenaga kerja yang bertauliahan bukan saja memberikan kelebihan kepada majikan, malah pekerja itu sendiri kerana dengan adanya sijil, ia mengiktiraf kemahiran yang dimiliki oleh individu.

Musa Mohamad (2002) telah menyatakan bahawa dengan input yang diperoleh daripada pakar-pakar akademik, perlu difikirkan penetapan satu sistem bagi pekerja-pekerja berpengalaman ini untuk dinilai dan diterima ke universiti sebagai inisiatif lain, jalan ataupun cara untuk mengikuti program. Kenyataan tersebut juga secara jelas menyatakan pengalaman semasa bekerja adalah bersamaan dengan pengalaman semasa di universiti iaitu pengalaman semasa melalui proses pembelajaran semasa mengikuti kursus bekerja patut menghasilkan pekerja yang layak bukan sahaja masuk universiti malah juga patut memperoleh kredit pengecualian.

Pembangunan sistem pendidikan di Malaysia tidak seharusnya tersekat hanya disebabkan ketiadaan garis panduan yang boleh dirujuk bagi membolehkan seseorang itu melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi berbekalkan pengetahuan dan pengalaman yang dimilikinya. Persoalan yang wujud ialah apakah kaedah penilaian yang paling sesuai diaplikasikan di Malaysia untuk menilai pengalaman dan pengetahuan terdahulu yang dimiliki oleh individu ini agar mereka dapat meneruskan pengajian lanjutan khususnya dalam bidang yang berorientasikan pendidikan dan latihan teknik dan vokasional. Perkara ini selaras dengan objektif utama transformasi Politeknik Malaysia yang telah dilancarkan pada 23 Februari 2010 iaitu antara lainnya melonjakkan politeknik sebagai institusi peneraju dalam bidang pendidikan dan latihan teknik dan vokasional di Malaysia.

Perkara ini sangat kritikal terutamanya dalam usaha Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk mengoptimumkan prestasi setiap warganegara seperti yang telah ditetapkan dalam Hala Tuju Strategik Sektor Pengajian Tinggi, Rancangan Malaysia Kesepuluh.

## **PENYATAAN MASALAH**

Persoalan yang wujud ialah apakah kaedah penilaian yang paling sesuai diaplikasikan di Malaysia untuk menilai pengalaman dan pengetahuan terdahulu yang dimiliki oleh individu ini agar mereka dapat meneruskan pengajian lanjutan dalam sistem pendidikan yang berorientasikan Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (PLTV). Permasalahannya ialah mengenai kaedah penilaian yang paling sesuai untuk mengiktiraf pengalaman tersebut, seterusnya melayakkan mereka mendapat kredit dan layak untuk melanjutkan pengajian tanpa perlu mengambil jumlah kredit yang setara dengan pelajar baru yang mengikuti program yang sama. Perkara ini disokong oleh Musa Mohamad (2002) yang menyatakan bahawa pengalaman yang diperoleh semasa bekerja boleh disamakan dengan pengetahuan yang diperoleh seseorang semasa menghadiri pendidikan formal di universiti. Bagi merealisasikan pendidikan sepanjang hayat serta mewujudkan peluang pendidikan terbuka dan fleksibel tetapi menekankan kualiti, pengkaji merasakan satu kewajaran untuk membuat kajian penganalisisan terhadap kaedah penilaian yang paling sesuai digunakan di Malaysia dalam mengiktiraf pengalaman pembelajaran terdahulu. Justeru, domain dan komponen bagi domain telah dicadangkan sebagai aspek utama yang perlu dikaji bagi membentuk kerangka kaedah penilaian untuk mengiktiraf set pengalaman pembelajaran terdahulu yang membolehkan calon melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

## **TUJUAN KAJIAN**

Tujuan utama kajian ini adalah untuk memenuhi keperluan yang telah dihuraikan iaitu merekabentuk dan menghasilkan kerangka garis panduan kaedah penilaian untuk “pengiktirafan pembelajaran terdahulu (*recognition of prior learning - RPL*)” dalam institusi berorientasikan “pendidikan dan latihan teknik dan vokasional (PLTV)” yang sesuai digunakan di Malaysia. Oleh itu, domain dan komponen yang diperlukan serta kriteria untuk setiap komponen yang terlibat dikenal pasti seterusnya menghasilkan matrik yang dapat menghubungkan ketiga-tiganya untuk menghasilkan set kerangka kaedah penilaian RPL.

## **METODOLOGI**

Reka bentuk kajian kuantitatif ini dilakukan dengan menggunakan kaedah tinjauan. Pengkaji telah memilih sekumpulan sampel daripada populasi berdasarkan tujuan kajian. Kelebihan pengkaji memilih pensampelan bertujuan adalah kerana pengkaji boleh menambah nilai maklumat, mendapatkan maklumat daripada responden, seterusnya melakukan analisis ke atas maklumat tersebut untuk menjawab persoalan kajian. Sabitha Marican (2005) ada menyatakan bahawa persampelan bertujuan sering kali dikaitkan dengan persampelan penilai atau pakar (*judgemental*). Soal selidik digunakan sebagai

instrumen utama dalam kajian ini dan disokong dengan temubual bagi mendapatkan maklumat mengenai sesuatu isu yang lebih kompleks sekiranya perlu, di samping dapat menjelaskan soalan yang sukar difahami.

Lokasi-lokasi yang telah dipilih diandaikan dapat mewakili semua pusat dan agensi yang bertanggungjawab dalam membuat penilaian terhadap pengiktirafan pengalaman pembelajaran terkumpul di Malaysia dan memiliki kepakaran dalam PLTV, kepakaran dalam pendekatan *hands-on* serta pendidikan dan latihan vokasional, yang merangkumi aspek teknikal dan kemahiran. Populasi dalam kajian ini ialah pakar-pakar yang terpilih yang mewakili jabatan masing-masing iaitu daripada MQA, KSM, KPTM, UTHM, UTM, OUM, dan UNITAR. Pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah ini kerana responden adalah terhad dan hanya melibatkan pakar-pakar akreditasi sahaja.

Sampel yang digunakan adalah seramai 73 orang yang mewakili keseluruhan populasi dan ia melibatkan mereka yang benar-benar pakar iaitu terdiri daripada Dekan, Ketua Pusat, Ketua Jabatan, Pengarah, Timbalan Pengarah, Ketua Penolong Pengarah, dan Penolong Pengarah yang terlibat secara langsung samada dalam penilaian PLTV, pembangunan kurikulum mahupun penilaian dalam pengalaman pembelajaran terdahulu di institusi yang dinyatakan. Kesemua sampel terlibat dalam menjawab borang soal selidik. Temubual pula dilaksanakan terhadap pakar dalam penilaian RPL dan pakar dalam PLTV yang dipilih bagi mengukuhkan lagi daptan kajian ini. Rajah 1 menunjukkan kerangka teori penghasilan bagi kerangka kaedah penilaian yang diadaptasi daripada Raja Norazilla (2008).



Sumber: Diadaptasi dan diubah daripada Raja Norazilla (2008)

Rajah 1: Kerangka teori penghasilan bagi kerangka kaedah penilaian

## ALAT KAJIAN – BORANG SOAL SELIDIK

Borang soal selidik dibina dengan menggunakan tiga pendekatan iaitu aneka pilihan, skala *Likert*, dan soalan subjektif terbuka. Item yang dibina menggunakan ayat pendek, ringkas, dan dapat mewakili dengan tepat konsep

yang ingin diukur. Soal selidik dalam bahagian ini mengandungi enam bahagian. Bahagian A ialah soalan-soalan yang lebih fokus kepada latar belakang responden. Bahagian B ialah soal selidik untuk mengenalpasti domain yang sesuai mengikut keutamaan untuk dijadikan asas utama dalam menilai RPL. Bahagian C pula merupakan soal selidik untuk mengenalpasti komponen mengikut keutamaan bagi domain-domain yang diperlukan dalam melaksanakan proses penilaian RPL. Setiap item dalam bahagian D, E, dan F ialah kriteria bagi setiap komponen pada bahagian C mengikut domain seperti yang telah dinyatakan. Bahagian B, C, D, E, dan F diberi lima pilihan jawapan yang menyatakan darjah persetujuan berbentuk skala lima mata dan setiap bahagian juga diakhiri dengan soalan pertanyaan terbuka iaitu responden berpeluang untuk memberikan sebarang pendapat atau idea yang dirasakan penting selain daripada item dalam soal selidik. Format bagi borang soal selidik untuk kajian ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.

Jadual 1: Format borang soal selidik

Bahagian	Nombor Item	Perkara	Bil. Soalan
Bahagian A	A1 – A5	Profil responden.	5
Bahagian B	B1 – B4	Domain bagi penilaian pengalaman pembelajaran terdahulu	4
Bahagian C	C1 – C3	Komponen bagi domain penilaian untuk pengiktirafan pengalaman pembelajaran terdahulu	3
Bahagian D	D1 – D13	Indikator bagi proses penilaian untuk pengiktirafan pengalaman pembelajaran terdahulu.	13
Bahagian E	E1 – E16	Kaedah penilaian untuk pengiktirafan pengalaman pembelajaran terdahulu	16
Bahagian F	F1 – F40	Justifikasi bagi setiap kaedah penilaian.	40

Sumber: Raja Norazilla (2008)

## ALAT KAJIAN – TEMUBUAL

Temubual digunakan sebagai alternatif untuk mendapatkan data tambahan daripada responden iaitu dengan menemubual pakar-pakar yang terlibat dengan penilaian RPL dan pembangunan kurikulum daripada UNITAR dan KSM yang telah dipilih. Menurut Chua Yan Piaw (2006a), temubual boleh dilaksanakan dengan kaedah bersemuka dan tidak bersemuka. Dalam kajian ini, pengkaji merasakan kaedah bersemuka adalah lebih sesuai kerana pengkaji lebih mudah berinteraksi dengan responden bagi mendapatkan maklumat lanjut. Melihat kepada keperluan kajian, pengkaji memilih untuk mendapatkan data dengan kaedah temubual semi-struktur secara individu. Temubual individu telah dijalankan bersama penolong pengarah bahagian MOSQ di JPK dan Dekan College for Open Learning UNITAR.

## KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN ALAT KAJIAN

Pengkaji telah mendapatkan pengesahan daripada empat orang pakar yang mempunyai kepakaran dalam bidang kualiti bagi memastikan item-item yang digunakan memenuhi kehendak kajian. Pakar-pakar yang terlibat telah menilai dari segi isi kandungan, gaya persembahan bahasa dan format soal selidik yang digunakan. Kajian rintis pula telah dijalankan di Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM), dan Open University Malaysia (OUM). Seramai 10 pakar dalam bidang PLTV, RPL, dan akreditasi telah dijadikan sampel dalam set kajian rintis ini. Pengkaji telah menetapkan nilai *Alpha Cronbach* pada tahap 0.60 kerana menurut Chua Yan Piaw (2006b), nilai *alpha* 0.65 hingga 0.95 boleh dianggap memuaskan kerana nilai yang terlalu rendah menunjukkan keupayaan item-item instrumen kajian mengukur konsep dalam kajian adalah rendah manakala nilai *alpha* yang terlalu tinggi menunjukkan semua item adalah serupa atau bertindih antara satu sama lain. Hasil kajian rintis menunjukkan tahap keperluan bagi setiap kriteria dalam domain untuk penilaian RPL adalah 0.9754. Jadual 2 menunjukkan nilai-nilai *alpha* yang diperoleh mengikut setiap kriteria bagi domain penilaian RPL.

Jadual 2: Kebolehpercayaan item bagi setiap criteria

Bil.	Kriteria untuk domain RPL	Nilai kebolehpercayaan ( <i>Alpha Cronbach</i> )
1.	Domain bagi penilaian RPL	0.8072
2.	Komponen bagi domain RPL	0.8112
3.	Indikator Pengetahuan	0.7712
4.	Indikator Kemahiran	0.7923
5.	Indikator Pengalaman	0.7732
6.	Indikator Etika Profesionalisme	0.7467
7.	Kaedah penilaian Pengetahuan	0.6645
8.	Kaedah penilaian Kemahiran	0.8460
9.	Kaedah penilaian Pengalaman	0.7206
10.	Kaedah penilaian Etika Profesionalisme	0.7041
11.	Justifikasi dokumen pengesahan	0.8147
12.	Justifikasi ujian bertulis	0.8468
13.	Justifikasi ujian lisan	0.7074
14.	Justifikasi temu bual	0.6522
15.	Justifikasi pemerhatian	0.7640
16.	Justifikasi ujian <i>Hans-On</i>	0.8375

Sumber: Hasil Kajian (2009)

## TATACARA KAJIAN – PENGUMPULAN DAN PENGANALISISAN DATA

Kajian ini menggunakan dua jenis kaedah pengumpulan data iaitu data primer dan data sekunder. Data primer ialah data mentah yang dikumpulkan oleh pengkaji sendiri iaitu melalui kaedah soal selidik dan temu bual. Menurut Sabitha Marican (2005), data primer juga boleh dikumpulkan dari individu, kumpulan yang dipilih ataupun panel pakar. Maka pengkaji memilih kaedah

soal selidik dan temubual untuk pengumpulan data. Manakala data sekunder pula diperoleh daripada pembacaan sumber rujukan yang sedia ada seperti buku, jurnal, surat khabar dan majalah. Pengkaji menggunakannya kerana sumber rujukan ini sahih dan tidak diragui kebenarannya. Data yang diperoleh melalui soal selidik dianalisis mengikut turutan soalan secara kuantitatif yang mana setiap item menjawab setiap persoalan kajian. Dapatan ini kemudiannya disusun, diringkaskan dan dipersembahkan dalam bentuk yang mudah difahami. Perisian *Statistical Packages for The Social Sciences* (SPSS) versi 11.5 telah digunakan untuk mempersempahkan hasil dapatan. Lanjutan daripada itu, data yang diperoleh bagi persoalan kajian pertama dan kedua dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif iaitu daripada nilai skor min yang diperoleh. Menurut Mohamad Najib (1999), analisis skor berasaskan markah minimum satu item ialah 1 dan markah maksimum ialah 5. Apabila dikaitkan dengan skala *Likert*, analisis yang dilakukan adalah seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Analisis Skala *Likert*

<b>Skor Min</b>	<b>Aras Persetujuan</b>
0.00 hingga 1.50	Sangat Tidak Setuju
1.51 hingga 2.50	Tidak Setuju
2.51 hingga 3.50	Sederhana Setuju
3.51 hingga 4.50	Setuju
4.50 hingga 5.00	Sangat Setuju

Sumber: Mohamad Najib (1999)

Setelah diubahsuai dan diadaptasi daripada Wiersma (1995), Jadual tafsiran min yang digunakan oleh pengkaji adalah seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4: Analisis Skala *Likert* (tafsiran min)

<b>Skor Min</b>	<b>Aras Persetujuan</b>	<b>Tafsiran Min</b>
1.00 hingga 2.40	Tidak Setuju	Tidak Perlu
2.41 hingga 3.80	Sederhana Setuju	Sederhana Perlu
3.81 hingga 5.00	Setuju	Perlu

Sumber: Wiersma (1995)

Manakala, bagi persoalan kajian ketiga, analisis data kualitatif dilakukan dan dimantapkan dengan sintesis dapatan persoalan kajian pertama dan kedua. Analisis data kualitatif secara analisis matriks dilakukan dengan melakar atau menulis gambaran kasar tentang sesuatu perhubungan ataupun perkaitan dalam bentuk rajah yang mudah untuk diperhatikan dan dilaporkan. Data temubual yang telah diperoleh pula dianalisis menggunakan pengekodan untuk membantu pengkaji melabel, menerima dan menyusun data yang diperoleh.

## KEPUTUSAN

Analisis pada bahagian A adalah mengenai profil responden iaitu meliputi aspek jantina, tahap pendidikan, jabatan, institusi, dan penglibatan atau pengalaman kerja dalam RPL atau PLTV.

Pada bahagian B dan C pula, kedua-duanya telah menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu:

**“Apakah domain dan komponen yang perlu untuk menilai pengalaman pembelajaran terdahulu di Malaysia?”**

Dalam bahagian ini, pengkaji menggunakan kaedah analisis skor min untuk mengetahui domain dan komponen yang sangat diperlukan mengikut keutamaan. Jadual 6 dan jadual 7 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi domain dan komponen utama yang diperlukan dan mesti dinilai dalam proses penilaian RPL.

Jadual 6: Skor min dan tahap keperluan domain utama

Bil.	Domain	Skor min	Sisihan Piawai	Tafsiran Min	Aras Persetujuan	Tahap
1	Pengetahuan	4.42	.725	Perlu	Setuju	Ketiga
2	Kemahiran	4.52	.580	Perlu	Setuju	Kedua
3	Pengalaman	4.58	.551	Perlu	Setuju	Pertama
4	Nilai Profesionalisme	4.21	.781	Perlu	Setuju	Keempat

Sumber: Hasil Kajian (2009)

Jadual 7: Skor min dan tahap keperluan komponen

Bil.	Domain	Skor min	Sisihan Piawai	Tafsiran Min	Aras Persetujuan	Tahap
1	Indikator bagi proses penilaian pengalaman pembelajaran terdahulu	4.38	.738	Perlu	Setuju	Kedua
2	Kaedah penilaian yang sesuai di laksanakana	4.40	.595	Perlu	Setuju	Pertama
3	Justifikasi bagi setiap kaedah penilaian	4.25	.703	Perlu	Setuju	Ketiga

Sumber: Hasil Kajian (2009)

Jadual 6 menunjukkan bahawa domain Pengalaman menduduki tempat pertama manakala domain Nilai Etika Profesionalisme pula berada di kedudukan terakhir dalam senarai kedudukan. Nilai skor min bagi empat domain utama yang diperoleh adalah berada pada aras persetujuan setuju iaitu di antara 3.81 hingga 5.00 dan mencerminkan bahawa domain-domain ini adalah diperlukan. Merujuk kepada jadual 7, kesemua item yang terdapat di dalam komponen utama kerangka kaedah penilaian telah mencapai aras persetujuan setuju iaitu nilai skor min berada di dalam julat 3.81 hingga 5.00. Ini bermakna item-item tersebut adalah diperlukan. Maka, didapati semua item boleh digunakan dalam proses untuk menghasilkan kerangka kaedah penilaian untuk RPL. Maklumbalas yang diperoleh menunjukkan responden tidak memberi sebarang cadangan berkenaan komponen lain yang diperlukan dalam proses membuat penilaian terhadap RPL. Oleh itu, dapatan ini menunjukkan

tidak terdapat penambahan dalam komponen yang telah dikenal pasti seterusnya mengesahkan bahawa ketiga-tiga komponen tersebut adalah diterima sebagai komponen utama dalam proses penilaian RPL di Malaysia. Bahagian D, E dan F pula telah menjawab persoalan kajian kedua iaitu:

**“Apakah kriteria bagi setiap komponen yang sesuai untuk menilai set pengalaman pembelajaran terdahulu di Malaysia?”**

Analisis dilakukan dengan mendapatkan nilai purata min bagi setiap item. Nilai skor min yang diperoleh akan dibandingkan dengan nilai tafsiran min yang digunakan dalam kajian untuk mendapatkan aras persetujuan. Di bahagian D, pengkaji membuat analisis terhadap beberapa aspek yang telah dikenal pasti merupakan indikator yang diperlukan semasa membuat penilaian terhadap calon RPL. Indikator-indikator tersebut telah di kelaskan mengikut domain utama seperti berikut:

- (a) Indikator Penilaian bagi Domain Pengetahuan
- (b) Indikator Penilaian bagi Domain Kemahiran
- (c) Indikator Penilaian bagi Domain Pengalaman
- (d) Indikator Penilaian bagi Domain Nilai Etika Profesionalisme

**(a) Indikator Penilaian bagi Domain Pengetahuan**

Jadual 8: Skor min dan tahap keperluan indikator penilaian (Pengetahuan)

Bil.	Domain	Skor min	Sisihan Piawi	Tafsiran Min	Aras Persetujuan	Tahap
1	Dapat menggunakan maklumat	4.33	.688	Perlu	Setuju	Kedua
2	Menunjukkan pengetahuan dalam bidang pengajian yang berlanjut daripada tahap sekolah menengah.	4.14	.732	Perlu	Setuju	Ketiga
3	Dapat menggunakan pengetahuan untuk mengenal pasti data bagi memberi respons yang jelas kepada masalah konkrit	4.40	.571	Perlu	Setuju	Pertama

Sumber: Hasil Kajian (2009)

Merujuk kepada jadual 8, kesemua item yang terdapat dalam indikator penilaian bagi domain pengetahuan calon telah mencapai aras persetujuan setuju dengan aras petunjuk skor min berada dalam julat 3.81 hingga 5.00. Ini menunjukkan bahawa kesemua item di atas perlu dalam merangka kaedah penilaian untuk RPL. Nilai min tertinggi yang dicatatkan ialah 4.40 manakala yang terendah ialah 4.14.

**(b) Indikator Penilaian bagi Domain Kemahiran**

Jadual 9: Skor min dan tahap keperluan Indikator penilaian (Kemahiran)

Bil.	Domain	Skor min	Sisihan Piawai	Tafsiran Min	Aras Persetujuan	Tahap
1	Mahir menggunakan kemahiran praktikal dalam proses kerja bidang	4.47	.603	Perlu	Setuju	Pertama
2	Mempunyai kemahiran belajar sendiri untuk beradaptasi kepada idea, proses dan prosedur baru untuk perkembangan kerjaya.	4.45	.528	Perlu	Setuju	Ketiga
3	Cekap berkomunikasi bagi menyampaikan maklumat, idea, masalah dan penyelesaian masalah dengan berkesan kepada pakar dan bukan pakar	4.47	.625	Perlu	Setuju	Kedua

Sumber: Hasil Kajian (2009)

Merujuk kepada Jadual 9, kesemua item yang terdapat dalam indikator penilaian bagi domain kemahiran calon telah mencapai aras persetujuan setuju dengan aras petunjuk skor min berada dalam julat 3.81 hingga 5.00. Dapat disimpulkan bahawa kesemua item di atas perlu dalam merangka kaedah penilaian untuk RPL. Nilai min tertinggi yang dicatatkan ialah 4.47 manakala yang terendah ialah 4.45.

**(c) Indikator Penilaian bagi Domain Pengalaman**

Jadual 10: Skor min dan tahap keperluan indikator penilaian (Pengalaman)

Bil.	Domain	Skor min	Sisihan Piawai	Tafsiran Min	Aras Persetujuan	Tahap
1	Mempunyai kebolehan membuat keputusan yang mengambil kira isu sosial, saintifik dan etika yang relevan.	4.30	.617	Perlu	Setuju	Kedua
2	Mampu membuat	4.19	.700	Perlu	Setuju	Keempat

	penilaian yang mengambil kira isu sosial, saintifik dan etika dengan autonomi sederhana					
3	Mempunyai kepercayaan diri untuk menjana pekerjaan sendiri	4.19	.680	Perlu	Setuju	Ketiga
4	Mampu mengenalpasti masalah dalam bidang diceburi	4.32	.550	Perlu	Setuju	Pertama

Sumber: Hasil Kajian (2009)

Merujuk kepada jadual 10, kesemua item yang terdapat dalam indikator penilaian bagi domain pengalaman calon telah mencapai aras persetujuan setuju dengan aras petunjuk skor min berada dalam julat 3.81 hingga 5.00. Nilai skor min bagi item 2, dan 3 adalah sama iaitu 4.19 namun memiliki nilai sisihan piawai berbeza iaitu masing-masing 0.700 dan 0.680 yang dapat menentukan tahap keutamaan bagi kedua-dua item. Manakala skor min bagi item 1 dan 4 pula masing-masing ialah 4.30 dan 4.32. Dapat diperhatikan bahawa tahap keutamaan untuk setiap item adalah seperti dalam jadual di atas dan kesemuanya perlu dalam merangka kaedah penilaian untuk RPL. Nilai min tertinggi yang dicatatkan ialah 4.32 manakala yang terendah ialah 4.19.

#### (d) Indikator Penilaian bagi Domain Nilai Etika dan Profesionalisme

Jadual 11: Skor min dan tahap keperluan indikator penilaian (Nilai Etika Profesionalisme)

Bil.	Domain	Skor min	Sisihan Piawai	Tafsiran Min	Aras Persetujuan	Tahap
1	Mengenali kesan peraturan atau undang-undang ke atas proses kerja	4.26	.667	Perlu	Setuju	Ketiga
2	Mempunyai kemahiran interpersonal yang bersesuaian dengan pekerjaan	4.32	.574	Perlu	Setuju	Pertama
3	Menjadi individu yang bertanggungjawab sebagai ahli masyarakat	4.29	.656	Perlu	Setuju	Kedua

Sumber: Hasil Kajian (2009)

Merujuk kepada jadual 11, kesemua item yang terdapat dalam indikator penilaian bagi domain nilai etika profesionalisme calon telah mencapai aras persetujuan setuju iaitu dengan aras petunjuk skor min berada dalam julat 3.81 hingga 5.00. Dapat diperhatikan melalui tafsiran skor min menunjukkan kesemua item di atas adalah perlu dalam merangka kaedah penilaian untuk RPL.

Dalam bahagian E pula, pengkaji membuat analisis terhadap beberapa aspek yang telah dikenalpasti merupakan kaedah penilaian utama untuk penilaian terhadap calon RPL. Kaedah-kaedah tersebut telah di kelaskan mengikut domain utama seperti berikut:

- (a) Kaedah Penilaian bagi Domain Pengetahuan
- (b) Kaedah Penilaian bagi Domain Kemahiran
- (c) Kaedah Penilaian bagi Domain Pengalaman
- (d) Kaedah Penilaian bagi Domain Nilai Etika Profesionalisme

#### **(a) Kaedah Penilaian bagi Domain Pengetahuan**

Jadual 12: Skor min dan tahap keperluan kaedah penilaian (Pengetahuan)

Bil.	Domain	Skor min	Sisihan Piawai	Tafsiran Min	Aras Persetujuan	Tahap
1	Penilaian terhadap sebarang dokumen	4.30	.776	Perlu	Setuju	Kedua
2	Ujian Bertulis	4.11	.875	Perlu	Setuju	Ketiga
3	Ujian Lisan	4.04	.841	Perlu	Setuju	Keempat
4	Temu bual	4.33	.554	Perlu	Setuju	Pertama

Sumber: Hasil Kajian (2009)

#### **(b) Kaedah Penilaian bagi Domain Kemahiran**

Jadual 13: Skor min dan tahap keperluan kaedah penilaian (Kemahiran)

Bil.	Domain	Skor min	Sisihan Piawai	Tafsiran Min	Aras Persetujuan	Tahap
1	Penilaian terhadap sebarang dokumen	4.26	.727	Perlu	Setuju	Keempat
2	Pemerhatian	4.21	.706	Perlu	Setuju	Keenam
3	Temu bual	4.36	.674	Perlu	Setuju	Kedua
4	Ujian Praktikal (amali)	4.41	.642	Perlu	Setuju	Pertama
5	Simulasi kes	4.26	.764	Perlu	Setuju	Kelima
6	Demonstrasi	4.29	.825	Perlu	Setuju	Ketiga

Sumber: Hasil Kajian (2009)

### (c) Kaedah Penilaian bagi Domain Pengalaman

Jadual 14: Skor min dan tahap keperluan kaedah penilaian (Pengalaman)

Bil.	Domain	Skor min	Sisihan Piawai	Tafsiran Min	Aras Persetujuan	Tahap
1	Penilaian terhadap sebarang dokumen	4.32	.643	Perlu	Setuju	Kedua
2	Temu bual	4.36	.632	Perlu	Setuju	Pertama
3	Penulisan Esei ( <i>personal statement / reflective essay</i> )	4.04	.772	Perlu	Setuju	Ketiga

Sumber: Hasil Kajian (2009)

### (d) Kaedah Penilaian bagi Domain Nilai Etika Profesionalisme

Jadual 15: Skor min dan tahap keperluan kaedah penilaian (Nilai Etika Profesionalisme)

Bil.	Domain	Skor min	Sisihan Piawai	Tafsiran Min	Aras Persetujuan	Tahap
1	Penilaian terhadap sebarang dokumen	4.19	.720	Perlu	Setuju	Ketiga
2	Pemerhatian	4.22	.672	Perlu	Setuju	Kedua
3	Temu bual	4.29	.736	Perlu	Setuju	Pertama

Sumber: Hasil Kajian (2009)

Merujuk pada jadual 12, jadual 13, jadual 14, dan jadual 15 di atas, kesemua item yang terdapat dalam jadual tersebut telah mencapai aras persetujuan setuju iaitu dengan aras petunjuk skor min berada dalam julat 3.81 hingga 5.00. Tafsiran skor min dalam kesemua jadual tersebut juga telah menunjukkan kesemua item adalah perlu dalam merangka kaedah penilaian untuk RPL.

Proses analisis data dapatkan berkenaan beberapa aspek yang telah dikenalpasti sebagai justifikasi bagi setiap kaedah penilaian utama yang digunakan untuk menilai calon RPL ditunjukkan dalam bahagian F. Justifikasi tersebut telah di kelaskan mengikut kaedah penilaian utama seperti berikut:

- (a) Justifikasi bagi Dokumen Pengesahan
- (b) Justifikasi bagi Ujian Bertulis
- (c) Justifikasi bagi Ujian Lisan
- (d) Justifikasi bagi Temu bual
- (e) Justifikasi bagi Pemerhatian
- (f) Justifikasi bagi Ujian “Hands On”

**(a) Justifikasi bagi Dokumen Pengesahan**

Jadual 16: Skor min dan tahap keperluan untuk justifikasi penilaian (Dokumen Pengesahan)

Bil.	Item	Skor min	Sisihan Piawai	Tafsiran Min	Aras Persetujuan	Tahap
1	Pengiktirafan dalam akademik, sebarang disiplin kemahiran, atau semasa kerja	4.32	.797	Perlu	Setuju	Pertama
2	Keputusan ujian semasa di institusi pendidikan, berkaitan kursus kemahiran atau semasa kerja	4.26	.727	Perlu	Setuju	Ketiga
3	Penglibatan dalam sebarang program yang berbentuk akademik, disiplin kemahiran, semasa kerja, khidmat sosial dan sukarela, atau pembangunan insaniah.	4.25	.641	Perlu	Setuju	Kelima
4	Pencapaian dalam pendidikan terkini, semasa kerja, atau dalam sebarang pertubuhan.	4.25	.572	Perlu	Setuju	Keempat
5	Sebarang bentuk kertas kerja yang dihasilkan oleh calon.	4.10	.730	Perlu	Setuju	Keenam
6	Sebarang bentuk akuan oleh majikan atau pihak ketiga yang berkaitan dengan domain.	4.08	.722	Perlu	Setuju	Kelapan
7	Sampel kerja yang relevan	4.27	.629	Perlu	Setuju	Kedua

	untuk kerja yang telah dilakukan.					
8	“Reflective essay” yang ditulis oleh calon bagi menyatakan sebarang pengalaman yang dirasakan berkaitan.	4.08	.702	Perlu	Setuju	Ketujuh

Sumber: Hasil Kajian (2009)

Merujuk kepada jadual 16, kesemua item yang terdapat dalam justifikasi bagi penilaian dokumen pengesahan calon telah mencapai aras persetujuan setuju iaitu dengan aras petunjuk skor min berada dalam julat 3.81 hingga 5.00. Namun begitu, tahap keutamaan dapat ditentukan melalui semakan terhadap nilai sisihan piawai untuk setiap item. Tafsiran skor min dalam jadual di atas telah menunjukkan kesemua item adalah perlu dalam merangka kaedah penilaian untuk RPL.

### (b) Justifikasi bagi Ujian Bertulis

Jadual 17: Skor min dan tahap keperluan untuk justifikasi penilaian (Ujian Bertulis)

Bil.	Item	Skor min	Sisihan Piawai	Tafsiran Min	Aras Persetujuan	Tahap
1	Penilaian penguasaan Bahasa Melayu adalah lebih berkesan dalam bentuk soalan objektif	3.79	.985	Sederhana Perlu	Sederhana Setuju	Kelima belas
2	Penilaian penguasaan Bahasa Melayu adalah lebih berkesan dalam bentuk soalan subjektif	4.19	.892	Perlu	Setuju	Kesepuluh
3	Penilaian penguasaan Bahasa Melayu adalah lebih berkesan dalam bentuk penulisan esei	4.42	.780	Perlu	Setuju	Ketiga
4	Penilaian penguasaan	3.78	1.031	Sederhana Perlu	Sederhana Setuju	Keenam belas

	Bahasa Inggeris adalah lebih berkesan dalam bentuk soalan objektif					
5	Penilaian penguasaan Bahasa Inggeris adalah lebih berkesan dalam bentuk soalan subjektif	4.03	1.000	Perlu	Setuju	Kesebelas
6	Penilaian penguasaan Bahasa Inggeris adalah lebih berkesan dalam bentuk penulisan esei	4.23	.965	Perlu	Setuju	Kelapan
7	Penilaian penguasaan Matematik adalah lebih berkesan dalam bentuk soalan objektif	3.89	1.125	Perlu	Setuju	Kedua belas
8	Penilaian penguasaan Matematik adalah lebih berkesan dalam bentuk soalan subjektif	4.44	.726	Perlu	Setuju	Kedua
9	Penilaian penguasaan ilmu pengkhususan bidang adalah lebih berkesan dalam bentuk soalan objektif	3.81	1.063	Perlu	Setuju	Keempat belas
10	Penilaian penguasaan ilmu pengkhususan	4.34	.749	Perlu	Setuju	Keenam

	bidang adalah lebih berkesan dalam bentuk soalan subjektif					
11	Penilaian penguasaan ilmu pengkhususan bidang adalah lebih berkesan dalam bentuk penulisan esei	4.45	.578	Perlu	Setuju	Pertama
12	Penilaian penguasaan isu semasa adalah lebih berkesan dalam bentuk soalan objektif	3.82	1.032	Perlu	Setuju	Ketiga belas
13	Penilaian penguasaan isu semasa adalah lebih berkesan dalam bentuk soalan subjektif	4.25	.778	Perlu	Setuju	Ketujuh
14	Penilaian penguasaan isu semasa adalah lebih berkesan dalam bentuk penulisan esei	4.36	.653	Perlu	Setuju	Keempat
15	Menilai keazaman calon untuk menamatkan sesi pengajian melalui kaedah penulisan esei	4.19	.680	Perlu	Setuju	Kesembilan
16	Menilai pengetahuan yang diperoleh daripada pengalaman melalui	4.34	.650	Perlu	Setuju	Kelima

	kaedah penulisan eseи					
--	-----------------------	--	--	--	--	--

Sumber: Hasil Kajian (2009)

Merujuk kepada jadual 17 di atas, 14 item daripada 16 item yang terdapat dalam justifikasi bagi penilaian ujian bertulis telah mencapai aras persetujuan setuju iaitu dengan aras petunjuk skor min berada dalam julat 3.81 hingga 5.00. Manakala baki 2 item lagi iaitu item 1 dan item 4 hanya mencapai aras persetujuan sederhana setuju iaitu dengan aras petunjuk skor min berada dalam julat 2.41 hingga 3.80. Tafsiran skor min dalam jadual 17 telah menunjukkan 14 item adalah perlu manakala baki dua lagi item kurang mendapat persetujuan dalam merangka kaedah penilaian untuk RPL.

#### (c) Justifikasi bagi Ujian Lisan

Jadual 18: Skor min dan tahap keperluan untuk justifikasi penilaian (Ujian Lisan)

Bil.	Item	Skor min	Sisihan Piawai	Tafsiran Min	Aras Persetujuan	Tahap
1	Berkaitan bidang kursus yang dimohon.	4.38	.775	Perlu	Setuju	Pertama
2	Berkaitan dengan isu semasa.	4.11	.792	Perlu	Setuju	Ketiga
3	Berkenaan isu pendidikan teknik dan vokasional di dalam dan luar negara.	4.26	.834	Perlu	Setuju	Kedua

Sumber: Hasil Kajian (2009)

Tafsiran skor min dalam jadual 18 telah menunjukkan kesemua item adalah perlu dalam merangka kaedah penilaian untuk RPL. Nilai min tertinggi yang dicatatkan ialah 4.38 manakala yang terendah ialah 4.11.

#### (d) Justifikasi bagi Ujian Temu bual

Jadual 19: Skor min dan tahap keperluan untuk justifikasi penilaian (Ujian Temu bual)

Bil.	Item	Skor min	Sisihan Piawai	Tafsiran Min	Aras Persetujuan	Tahap
1	Perbincangan secara profesional berdasarkan segala dokumen yang ditunjukkan.	4.26	.898	Perlu	Setuju	Kedua
2	Berbentuk perbincangan	4.30	.570	Perlu	Setuju	Pertama

	situasi untuk penyelesaian sesuatu masalah.					
3	Menemu bual calon semasa di tempat kerja bagi menilai tahap kemahiran yang dimiliki.	4.25	.795	Perlu	Setuju	Ketiga
4	Perbincangan berkaitan perancangan pembangunan kerjaya calon.	4.19	.593	Perlu	Setuju	Kelima
5	Perbincangan profesional berkenaan persepsi tentang diri dan masyarakat.	4.22	.692	Perlu	Setuju	Keempat

Sumber: Hasil Kajian (2009)

Merujuk kepada jadual di atas, kesemua item yang terdapat dalam justifikasi bagi penilaian ujian temu bual telah mencapai aras persetujuan setuju iaitu dengan aras petunjuk skor min berada dalam julat 3.81 hingga 5.00. Tafsiran skor min dalam jadual di atas telah menunjukkan kesemua item adalah perlu dalam merangka kaedah penilaian untuk RPL.

#### (e) Justifikasi bagi Kaedah Pemerhatian

Jadual 20: Skor min dan tahap keperluan untuk justifikasi penilaian (Kaedah Pemerhatian)

Bil.	Item	Skor min	Sisihan Piawai	Tafsiran Min	Aras Persetujuan	Tahap
1	Melalui tinjauan calon semasa di tempat kerja.	4.27	.821	Perlu	Setuju	Kedua
2	Pemerhatian terhadap sampel hasil kerja calon.	4.22	.870	Perlu	Setuju	Keempat
3	Rakaman video atau gambar berkenaan sebarang aktiviti yang dirasakan	3.79	1.027	Sederhana Perlu	Sederhana Setuju	Kelima

	perlu.					
4	Nilai etika (kesesuaian dengan tugas untuk menjadi pendidik)	4.23	.698	Perlu	Setuju	Ketiga
5	Moral profesional	4.27	.731	Perlu	Setuju	Pertama

Sumber: Hasil Kajian (2009)

Merujuk kepada jadual 20, empat item daripada lima item keseluruhannya yang terdapat dalam justifikasi bagi kaedah penilaian melalui pemerhatian telah mencapai aras persetujuan setuju iaitu dengan aras petunjuk skor min berada dalam julat 3.81 hingga 5.00. Manakala baki 1 item lagi iaitu item 3 hanya mencapai aras persetujuan sederhana setuju iaitu dengan aras petunjuk skor min berada dalam julat 2.41 hingga 3.80. Tafsiran skor min dalam jadual 20 telah menunjukkan empat item adalah perlu manakala baki satu lagi item kurang mendapat persetujuan dalam merangka kaedah penilaian untuk RPL.

#### (f) Justifikasi bagi Ujian “Hands On”

Jadual 21: Skor min dan tahap keperluan untuk justifikasi penilaian (Ujian “hands on”)

Bil.	Item	Skor min	Sisihan Piawai	Tafsiran Min	Aras Persetujuan	Tahap
1	Calon ditugaskan melaksanakan tugas amali yang berkaitan dengan bidang (ujian amali).	4.55	.602	Perlu	Setuju	Pertama
2	Pembentangan projek yang telah dihasilkan (ujian simulasi kes).	4.51	.580	Perlu	Setuju	Kedua
3	Demonstrasi kemahiran di makmal atau bengkel semasa sesi latihan atau kursus penilaian khas (ujian demonstrasi)	4.42	.832	Perlu	Setuju	Ketiga

Sumber: Hasil Kajian (2009)

Merujuk kepada jadual 21, kesemua item yang terdapat dalam justifikasi bagi penilaian ujian “hands on” telah mencapai aras persetujuan setuju iaitu dengan aras petunjuk skor min berada dalam julat 3.81 hingga 5.00. Melalui tafsiran skor min dalam jadual 21, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa kesemua item adalah perlu dalam merangka kaedah penilaian untuk RPL.

## **KEPUTUSAN – HASIL ANALISIS DATA TEMUBUAL**

Pengkaji telah menggunakan hasil temubual sebagai data sokongan kepada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada pakar-pakar. Setiap data dianalisis dan dimasukkan dalam bentuk jadual. Temu bual ini telah dijalankan bersama dekan *College for Open Learning* UNITAR, dan ketua penolong pengarah bahagian MOSQ, Jabatan Pembangunan Kemahiran di Kementerian Sumber Manusia secara berasingan dengan menggunakan kaedah temubual semi-struktur secara individu. Temubual dijalankan dengan memberi fokus kepada komponen utama dalam proses penilaian. Daripada dua temubual yang telah diadakan bersama pakar dalam penilaian pengalaman pembelajaran terdahulu serta penilaian dan pembangunan kemahiran, didapati tidak terdapat perbezaan yang ketara dalam proses pembangunan kerangka kaedah penilaian samada melalui domain, mahupun kriteria di dalam setiap komponen yang telah disediakan oleh penyelidik. Kedua-dua pakar bersetuju dan memberikan pendapat berkenaan domain utama dan perkara yang patut diberi perhatian semasa proses RPL dilaksanakan termasuklah pandangan terhadap kaedah penilaian yang telah penyalidik cadangkan hasil daripada kajian literatur. Kedua-dua institusi menjalankan ujian penilaian RPL tetapi pendekatan yang digunakan adalah sedikit berbeza iaitu KSM lebih memberi fokus kepada kemahiran calon dan penilaian adalah lebih kepada ujian “*hand on*” yang lebih menggalakkan calon untuk membuktikan kemahiran melalui tugas yang diberikan. Berlainan pula dengan apa yang telah dilaksanakan di UNITAR iaitu lebih menitikberatkan calon mengambil peperiksaan mencabar kerana kaedah penilaian yang dijalankan lebih bercorak teori akademik dan menilai hasil pembelajaran calon melalui pengalaman terdahulu berbanding dengan KSM yang bercorakkan kemahiran dan praktikal.

## **PERBINCANGAN**

Pengkaji telah membincangkan latar belakang penghasilan kerangka kaedah penilaian dan reka bentuk kerangka tersebut seterusnya menjawab persoalan kajian ketiga iaitu:

**“Bagaimanakah reka bentuk kerangka kaedah penilaian yang sesuai dan berkesan untuk mengiktiraf set pengalaman pembelajaran terdahulu bagi melayakkan individu untuk mengikuti program bidang pengajian yang berorientasikan PLTV?”**

Dalam proses penghasilan dan merekabentuk kerangka tersebut, pengkaji telah mengambil kira hasil dapatan daripada persoalan kajian pertama, persoalan kajian kedua dan analisis data temubual yang telah dilakukan. Pengkaji telah menggunakan maklumbalas yang diperoleh daripada responden menerusi soal selidik dan temubual untuk menghasilkan kerangka ini. Kerangka yang dihasilkan bertujuan untuk dijadikan sebagai satu garis panduan atau standard dalam menyelaraskan penghasilan kerangka kaedah penilaian untuk RPL bagi program berorientasikan pendidikan dan latihan teknik dan vokasional. Pengkaji telah menggunakan beberapa standard sedia ada sebagai satu penanda aras dalam menghasilkan kerangka tersebut. Antara standard yang digunakan adalah “Panduan Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia

Melalui Kaedah Pentaulahan Pencapaian Terdahulu (PPT) dan "Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian" yang telah dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia, Malaysia. Selain itu, pengkaji juga merujuk kepada standard "Panduan Pelaksanaan Pemantapan Penilaian Tahap Kecekapan" yang dibangunkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia sebagai panduan dalam menghasilkan kerangka kaedah penilaian RPL. Manakala domain awalan yang terlibat dalam menghasilkan satu kerangka kaedah penilaian untuk RPL diadaptasi daripada panduan yang telah dibangunkan oleh PLAR *Handbook* (2005), Australia *Student Handbook* (2003), *Academic Advising Centre* (2005), *Asset Skills* (2007), Australia *Life Saving Academy* (2007), Marshall (2007), Harisson (2005), Harvinder (2007), Maczeck (2003), Wilcox dan Brown (2003), NMIT (2007), SCQF (2005), dan ETQA (2000).

Secara rumusannya, daripada analisis dapatan kajian, pengkaji mendapati semua item yang dinyatakan bagi setiap domain mendapat skor min yang tinggi dan kebanyakannya berada dalam aras persetujuan "setuju". Domain dan kriteria yang telah dikenalpasti disusun mengikut tahap kepentingan masing-masing seperti mana yang boleh dilihat dalam jadual. Di samping itu pengkaji juga telah mendapat maklum balas daripada responden berhubung dengan domain dan kriteria kaedah penilaian berdasarkan soalan terbuka yang telah disediakan. Kesemua maklum balas ini telah dipertimbangkan seterusnya diambil kira dan dianalisis mengikut keperluan. Semua kriteria yang diperoleh telah digunakan dalam rekabentuk kerangka garis panduan kaedah penilaian untuk "Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu ()" dalam institusi berorientasikan "Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (PLTV)" yang sesuai digunakan di Malaysia seterusnya telah menjawab persoalan kajian yang ketiga. Peringkat terakhir ialah menghasilkan kerangka kaedah penilaian untuk RPL dengan mengambil kira semua data-data yang telah diperoleh. Proses pembentukan ini telah menghasilkan satu matrik seperti dalam jadual 22. Perincian untuk setiap kriteria dalam matrik ini boleh dirujuk pada kerangka kaedah penilaian yang telah siap dibangunkan.

## CADANGAN DAN KESIMPULAN

Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian dan analisis yang telah dijalankan, pengkaji berpendapat sekiranya kajian-kajian lanjut dijalankan dalam usaha untuk mengumpulkan lebih banyak maklumat, maka kerangka kaedah penilaian yang telah dibina akan menjadi lebih sistematik dan terperinci. Hasil daripada kajian ini, pengkaji telah membuat kesimpulan dan cadangan kepada pihak yang terlibat secara langsung berkaitan dengan penilaian untuk "Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu ()" dalam institusi berorientasikan "Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (PLTV)" di Malaysia iaitu:

- a) Sistem penilaian RPL yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk membuka laluan alternatif kepada individu yang berkelayakan, individu tersebut mestilah diberi peluang dan kemudahan semaksimum yang mungkin untuk membolehkan mereka mempamerkan keterampilan yang mereka peroleh melalui pengalaman. Oleh itu, sekiranya calon gagal

untuk melepas sebarang ujian penilaian semasa sesi penilaian, calon sebaik-baiknya diberikan sesi kaunseling yang dikendalikan oleh pakar yang akan memberi nasihat dan bimbingan tentang bagaimana untuk membangunkan atau mempamerkan kecekapan seperti yang diharapkan.

- b) Calon juga sebaik-baiknya diberi peluang untuk menghadiri sesi kursus persediaan yang disediakan khas untuk calon yang tidak menunjukkan pengalaman pembelajaran yang mencukupi semasa sesi penilaian walaupun set dokumen bukti calon menunjukkan bahawa calon tersebut adalah layak.
- c) Berkenaan penilaian terhadap set pengalaman calon, sesi penilaian yang dijalankan hendaklah memberi penekanan terhadap bagaimana calon belajar daripada pengalaman lepas atau daripada tugas-tugas yang pernah dilaksanakan. Adakah calon benar-benar belajar daripada pengalaman tersebut atau sekadar mengalaminya sahaja?
- d) Calon juga hendaklah diberikan bimbingan terlebih dahulu sebelum menghadiri sesi penilaian RPL. Bimbingan hendaklah memberi fokus kepada mekanisme-mekanisme atau kaedah penilaian dan instrumen bagi kaedah tersebut yang akan diguna pakai dan calon hendaklah diberikan tunjuk ajar berkenaan cara untuk mengumpulkan dokumen dan bahan-bahan bukti tersebut.
- e) Calon sebaik-baiknya diberikan nasihat dan taklimat berkenaan perjalanan proses penilaian tersebut, dan jenis-jenis dokumen serta bahan bukti yang diperlukan dan dipertimbangkan oleh pihak penilai semasa menilai permohonan calon. Calon juga mestilah dibekalkan dengan maklumat yang mencukupi untuk membolehkan mereka membuat persediaan terhadap dokumen dan bahan bukti agar memenuhi standard yang diperlukan untuk proses penilaian RPL.
- f) Pihak institusi yang melaksanakan penilaian RPL juga hendaklah menggunakan kepakaran untuk memberikan khidmat kredit dan bukannya kredit kursus.
- g) Pihak terbabit juga perlu sedar akan tujuan utama mewujudkan sistem RPL adalah untuk mewujudkan laluan alternatif kepada golongan dewasa membangunkan kerjaya mereka dan menggalakkan mereka membudayakan pembelajaran sepanjang hayat.

Akhir sekali, kajian lanjutan perlu dilaksanakan dan kali ini memberi penekanan kepada beberapa aspek yang telah dikenalpasti oleh pengkaji seperti:

- a) Mencadangkan kepada pengkaji seterusnya supaya menjalankan kajian Delphi untuk mendapatkan maklumat daripada pakar-pakar antarabangsa.
- b) Mencadangkan kepada pengkaji seterusnya untuk menjalankan kajian RPL dengan hanya memberi fokus terhadap menukar pengalaman tak formal dan informal kepada set hasil pembelajaran kerana skop bagi

domain pengalaman adalah terlalu luas dan umum serta memerlukan penelitian dan penyelidikan yang lebih mendalam.

- c) Mencadangkan kepada pengkaji seterusnya untuk menjalankan kajian RPL dengan memberi pertimbangan terhadap kaedah penilaian yang lebih memudahkan calon tetapi tetap mengekalkan kualiti.
- d) Mencadangkan kepada pengkaji supaya menjalankan kajian dengan menjadikan dua bentuk penilaian iaitu penilaian summatif dan formatif sebagai domain utama kajian.
- e) Mencadangkan kepada pengkaji seterusnya supaya menjalankan kajian untuk mengetahui sejauh mana pengalaman seseorang boleh dianggap sebagai pembelajaran dan pengetahuan.
- f) Membuat kajian lanjutan dengan mengkaji kelayakan penilai, mengkaji pandangan pihak industri, mengkaji penekanan terhadap pemarkahan penilaian RPL, dan akhir sekali mengkaji kesan perlaksanaan RPL dari aspek psikologi pelajar itu sendiri.

Walau bagaimanapun, demi memastikan keberkesanan sistem RPL di Malaysia, pihak yang terlibat haruslah memberi fokus terhadap ketelusan perlaksanaannya kerana pelaksanaan kaedah tersebut merupakan kunci utama kepada kejayaan sistem RPL yang telus dan berkualiti di Malaysia.

## RUMUSAN

Kajian ini dijalankan untuk memenuhi keperluan pembangunan kerangka kaedah penilaian untuk RPL dengan mengenal pasti domain utama, komponen bagi domain utama dan kriteria untuk setiap komponen. Kriteria bagi setiap komponen yang diperlukan berdasarkan domain utama tersebut dikenal pasti dan seterusnya sebuah matrik yang menghubungkan kriteria tersebut dihasilkan. Pengkaji telah mengenalpasti bahawa kesemua empat domain dan tiga komponen berserta kriteria-kriterianya adalah diperlukan seterusnya disepadukan dalam menghasilkan kerangka kaedah penilaian untuk RPL. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa empat domain utama iaitu Pengetahuan, Kemahiran, Pengalaman, dan Nilai Etika Profesionalisme disokong oleh komponen penilaian iaitu indikator, kaedah penilaian, dan justifikasi merupakan faktor yang penting dalam pembentukan kerangka kaedah penilaian ini.

Proses pengenalpastian dan pengesahan setiap kriteria telah dilaksanakan oleh pengkaji dan hasil yang diperoleh adalah selaras dengan apa yang dijangkakan. Dengan itu, pengkaji merasakan segala dapatan kajian ini adalah kukuh dalam menghasilkan satu kerangka kaedah penilaian yang boleh digunakan oleh semua pihak di dalam bidang penilaian dan RPL bagi program yang berorientasikan PLTV di Malaysia. Kerangka ini adalah berdasarkan keperluan bahawa belum terbentuk lagi kerangka kaedah penilaian RPL standard diwujudkan di Malaysia yang menyeluruh melainkan garis panduan daripada pihak-pihak tertentu iaitu penggunaannya adalah terhad kepada pihak-pihak tertentu sahaja. Pelaksanaan RPL adalah masih baru di Malaysia

dan proses penambahbaikan dilakukan pada setiap masa bagi memastikan tahap keberkesanan pelaksanaan ini setanding dengan pelaksanaan di luar negara seperti di Australia, Scotland, Kanada, United Kingdom dan lain-lain negara yang telah lama melaksanakan RPL.

Akhir sekali, pengkaji mendapati dalam pembentukan kerangka kaedah penilaian ini semua pihak perlu bekerjasama dan bersatu dalam menentukan kriteria dan instrumen penilaian yang benar-benar diperlukan dan efektif di dalam penilaian RPL. Sebagai contoh pihak yang bertanggungjawab perlu menetapkan polisi yang diperlukan dan menyediakan rubrik penilaian dalam memantapkan lagi proses penilaian dalam RPL. Melalui pembangunan kaedah penilaian RPL ini diharapkan semua pihak mendapat faedah daripadanya dalam merealisasikan pembelajaran sepanjang hayat.

Jadual 22: Matrik kerangka kaedah penilaian RPL bagi program berorientasikan PLTV

Domain RPL	Komponen bagi Proses Penilaian		Kaedah Penilaian	
	Tahap Kelayakan sehingga di Peringkat Sarjana			
	Indikator	Sukatan Tahap Kelayakan		
Pengalaman	Darjah autonomi dan kreativiti dalam membuat keputusan.	Mempunyai teknik dan kebolehan mencari dan menggunakan data untuk membuat keputusan yang mengambil kira isu sosial, saintifik dan etika yang relevan. Membuat penilaian dan keputusan yang mengambil kira isu sosial, saintifik dan etika dengan autonomi. Mempunyai kepercayaan diri dan keusahawanan untuk menjana pekerjaan sendiri. Mampu mengenal pasti masalah dalam bidang diceburi.	Ujian Bertulis / penulisan esei ( <i>personal statement</i> )	
Kemahiran	Kebolehan mengaplikasi pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran berkomunikasi.	Mahir menggunakan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran praktikal dalam proses kerja bidang. Menguasai kemahiran belajar sendiri untuk beradaptasi kepada idea, proses dan prosedur baru untuk perkembangan kerjaya. Cekap berkomunikasi dan dapat menyampaikan maklumat, idea, masalah dan penyelesaian dengan berkesan kepada pakar dan bukan pakar.	Penilaian Portfolio dan Temubual  Pemerhatian, Ujian Praktikal (amali), Simulasi Kes, Demonstrasi	
Pengetahuan	Kedalaman dan kompleksiti ilmu serta pemahamannya.	Dapat mentafsir dan menggunakan maklumat. Menunjukkan pengetahuan dan kefahaman dalam bidang pengajian yang berlanjut daripada tahap sekolah menengah dan lazimnya terdapat dalam buku teks lanjutan. Dapat menggunakan pengetahuan dan kefahaman untuk mengenal pasti dan menggunakan data bagi memberi respons yang jelas kepada masalah konkret dan kompleks.	Ujian Bertulis dan Ujian Lisan	
Nilai Etika Profesionalisme	Keluasan dan kecanggihan amalan.	Mengenali kesan peraturan, undang-undang dan kontrak ke atas proses kerja. Menguasai kemahiran berpasukan dan interpersonal yang bersesuaian dengan pekerjaan. Menjadi individu yang bertanggungjawab sebagai ahli masyarakat.	Pemerhatian	

## RUJUKAN

- Academic Advising Centre (2005). "Student Handbook – Credit for Prior Learning." University of Alaska Fairbanks.
- Australia Life Saving Academy (2007)."Guidelines for Applying for Recognition of Prior Learning (RPL), For Application." New South Wales: Surf Life Saving
- Australian Lifesaving Academy (2008). "Guidelines for Recognition of Prior Learning (RPL): For Assessors." New South Wales: (ABN: 93 827 748 379).
- Bateman, A. (2003). "Giving Credit: A Review of RPL and Credit Transfer in the Vocational Education and Training Sector, 1995 to 2001." Australia: NCVER. 15 – 44.
- Bateman, A. (2006). "Think Piece, RPL: Yes, we are there)" Engaging VET Practitioners Forum RPL-Done Well.
- Cates, W. M. Penterjemah: Syaharom Abdullah (1990). "Panduan Amali Untuk Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Centre for Assessment of Prior Learning (2009). "Open Entry Assessment." Open University Malaysia: Centre for Assessment of Prior Learning (CAPL). Diperoleh dari <http://capl.oum.edu.my/v2/index.php?op=view&m=8&page=15> diakses pada 18 April 2009.
- Chua, Yan Piaw (2006a). "Kaedah Penyelidikan." Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn.Bhd.
- Chua, Yan Piaw (2006b). "Asas Statistik Penyelidikan : kaedah dan Statistik Penyelidikan". Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn.Bhd.
- Department of Education and Training (2005). "Recognition of prior learning (skills recognition): An Assessment Resource for VET practitioners." East Perth WA: (ISBN 0 7307 4116 8).
- Department of Education and Training (2005). "Recognition of Prior Learning (Skills Recognition): An Assessment Resource For Vet Practitioners." Western Australia: Government Of Western Australia.
- Fong, Chan Ong (2008). "Syarikat Besar Utama Sijil Kemahiran." Laman Web Rasmi: Kementerian Sumber Manusia. Diperoleh dari [http://www.mohr.gov.my/index.php?option=com\\_content&task=view&id=382&Itemid=161](http://www.mohr.gov.my/index.php?option=com_content&task=view&id=382&Itemid=161) diakses pada 20 Disember 2008.
- Fong, Chan Ong (2007). "Majlis Pecah Tanah Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC)." Laman Web Rasmi: Kementerian Sumber Manusia. Diperoleh dari [http://www.mohr.gov.my/index.php?option=com\\_content&task=view&id=212&Itemid=161](http://www.mohr.gov.my/index.php?option=com_content&task=view&id=212&Itemid=161) diakses pada 20 Disember 2008.
- Harrison, C. (2005). "Best Practices in Prior Learning Assessment and Recognition (PLAR) Handbook." Edmonton: Alberta Council on Admissions and Transfer (ACAT).
- Harvinder Kaur Dharam Singh (2007). "A Guide For Developing Your Portfolio (Postgraduate). " Open University Malaysia: Centre For Assessment of Prior Learning.
- Ho, Siew Lan (2006). "Guide to Open Entry and Recognition of Prior Learning." Open University Malaysia.

- Jabatan Pembangunan Kemahiran (2007a). "Panduan Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pentauliahan Pencapaian Terdahulu (PPT)." Malaysia: Kementerian Sumber Manusia.
- Jabatan Pembangunan Kemahiran (2007b). "Panduan dan Peraturan-peraturan Pentauliahan Persijilan Kemahiran Malaysia: Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian." Malaysia: Kementerian Sumber Manusia.
- Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (2005). "Panduan Pelaksanaan Pemantapan Penilaian Tahap Kecekapan." Surat Pekeliling Perkhidmatan. 5. 1 – 20.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2007). "Kerangka Kelayakan Malaysia." Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Knight, B. (2006). "Assessment for recognition of prior learning in technical and vocational education and training in Australia: where to from here?" National Centre for Vocational Education Research Ltd.
- Kraak, A. dan Harris, J. (2000). "RPL: Power, Pedagogy and Possibility." Illustrated. Pretoria: Human Science Research Council Press. 9 – 19.
- Lembaga Akreditasi Negara (2006). "Kod Amalan Jaminan Kualiti Sistem Kemasukan Terbuka: Edisi Pertama." Petaling Jaya: Lembaga Akreditasi Negara.
- Maczeck, J. (2003). "Recognition To Prior Learning and Articulation." South Africa: Mechanical Engineering Department, Nelson Mandela Metropolitan University.
- Marshall, K. (2007). "The Recognition of Prior Learning (RPL) Explained Guide". Newcastle: WEA Hunter and Newcastle Vocational Education and Training Accreditation Board.
- Mint Training (2007). "Student Handbook: Recognition of Prior Learning and Credit Transfer." Ver. 3. Southbank, Australia: Mint Training.
- Mohd Majid Konting (2004). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Edisi Pertama. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (2003). "Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan." Edisi Pertama. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Musa Mohammad (2002). "Credit For Work Experience." International Postgraduate Facilitator Management CENTRE, Malaysia.
- Nelson Marlborough Institute Of Technology (NMIT) (2007). "Guidelines for Applying for Recognition of Prior Learning (RPL)." ITPNZ Academy Quality Standard : 9.0.
- Open University Malaysia (2006). "Kemasukan Terbuka dan Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu." OUM Today. (22). 5. Diperoleh dari <http://www.oum.edu.my/v2/eoumtoday/2006/April-issue22-2006/page5.php> diakses pada 3 Januari 2009.
- Raja Norazilla (2008). "Kerangka Portfolio untuk Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu (Recognition of Prior Learning) bagi Program/Kursus PLTV dalam Membangunkan Kerangka Akreditasi di Malaysia". Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana UTHM.
- Sabitha Marican (2005). "Kaedah Penyelidikan Sains Sosial." Petaling Jaya, Selangor : Prentice Hall.

- Scottish Credit and Qualifications Framework SCQF (2005). "Recognition of Prior Informal Learning RPL: Core Principles and Key Features." Glasgow: Scottish Credit and Qualifications Framework Partnership.
- Scottish Credit and Qualifications Framework SCQF (2007). "Guidelines for the Recognition of Prior Learning (RPL): RPL Handbook Vol. 2." Glasgow: Scottish Credit and Qualifications Framework Partnership.
- Western Australia Department of Training (2002). "Skills Recognition Framework for Vocational Education and Training in Western Australia." East Perth, W.A.: The Dept. 1 – 25.
- Wiersma, W. (1995). "Research Methods in Education: An Introduction." 6th. ed. Massachusetts: Allyn and Bacon.
- Wilcox, J. dan Brown, R. (2003). "Accreditation Of Prior And Experiential Learning". Ver. 4. Bradford College: UK Centre for Material Education (APEL).